

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Seri Tiong King Sing  
[ Bintulu ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 [ RABU ]**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- (a) Apakah Jabatan Pengairan dan Saliran mempunyai rancangan yang rapi dan menyeluruh untuk membaiki dan menaiktarafkan sistem saliran di seluruh negeri Sarawak terutamanya di Bintulu, dan
- (b) Apakah punca utama kerja-kerja menaiktaraf sistem perparitan berbentuk langkah pencegahan di kawasan perumahan di Bintulu tidak dijalankan dengan tahap yang lebih cepat dan lancar sehingga mengakibatkan banjir kilat berlaku.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) mempunyai rancangan yang rapi dan menyeluruh untuk menaik taraf saliran utama (*main trunk drain*) di seluruh Negeri Sarawak termasuk di Bintulu di bawah bidang kuasa JPS. Untuk makluman juga, perancangan, pembinaan, penyelenggaraan sistem saliran adalah di bawah bidang kuasa tiga agensi utama iaitu JPS untuk sistem saliran utama (*main trunk drain/ regional drain*); Pihak Berkuasa Tempatan untuk sistem saliran setempat (*local drainage*) dan Jabatan Kerja Raya untuk sistem saliran di tepi jalan raya utama (*roadside drain*).

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi Bahagian Bintulu, JPS Sarawak telah memohon projek-projek berikut:

- 1) **RM100 juta** untuk Rancangan Tebatan Banjir Bintulu, Lembangan Batang Kemena Sarawak;
  - 2) **RM40 juta** untuk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Plan Bintulu, Lembangan Batang Kemena, Sarawak;
  - 3) **RM20 juta** untuk pembinaan dan menaik taraf sistem Saliran Mesra Alam di Bandar Bintulu, Sarawak;
  - 4) **RM10 juta** untuk pembinaan dan menaiktaraf sistem Saliran Mesra Alam di kawasan Sungai Tatau, Bintulu, Sarawak;
  - 5) **RM20 juta** untuk Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) Sungai Sibiu di Bahagian Bintulu, Lembangan Batang Kemena, Sarawak.
- (b) Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerja-kerja naik taraf sistem perparitan di kawasan

perumahan adalah terletak di bawah bidang kuasa Bintulu Development Authority (BDA). Walaubagaimana pun, JPS telah menjalankan kerja-kerja mendalam dan membersihkan Sungai Sibiew (*desilting*) di kawasan perumahan yang kritikal. Kerja-kerja ini telah disiapkan pada 4 November 2014. Ia melibatkan kedua-dua tebingan sungai sepanjang kira-kira 2.5 kilometer dengan kos RM395,000. Selain itu, satu lagi sebut harga untuk membersihkan Sungai Terus dan Sungai Sebatang di cabang Sungai Sibiew dengan kos RM54,000 sepanjang kira-kira 700 meter telah siap dilaksanakan pada bulan Disember 2014. Langkah jangka pendek seterusnya yang akan dilaksanakan oleh Kementerian adalah melaksanakan kerja-kerja mendalam dan melebarkan Sungai Sibiew sepanjang lebih kurang 8 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM 2 juta dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.